

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 04/05/2024

Edisi / Muka Surat : Nasional / 15

Tajuk : Peniaga R&R utama negara perlu tubuh koperasi sendiri

Peniaga R&R utama negara perlu tubuh koperasi sendiri



ABDUL FATTAH

TEMERLOH – Peniaga Hentian Rehat dan Rawat (R&R) di lebuhraya utama di negara ini perlu menubuhkan koperasi sebagai entiti bisnes yang berpotensi menjana keuntungan dan faedah lebih menarik kepada mereka.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah berkata, koperasi yang ditubuhkan itu akan dapat menjalankan aktiviti berkaitan kredit dan bisnes teras.

“Melalui koperasi peniaga

boleh mendapat barang asas seperti beras, tepung dan barang basah lebih murah dan segar.

“Caranya ialah koperasi akan membeli barang keperluan secara pukal dan kemudiannya dijual kepada peniaga R&R di kedai masing-masing,” katanya pada Majlis Hari Raya Aidil Fitri Koperasi R&R Temerloh Berhad Lebuhraya Pantai Timur (LPT1) di hentian R&R Temerloh Barat di sini semalam.

Kata Abdul Fattah, melalui koperasi, ahli-ahli akan dapat

membeli barangan keperluan harian dengan harga yang lebih murah sekali gus dapat meringankan bebanan kewangan mereka.

Selain itu katanya, semangat berkoperasi juga dapat merangsang ahli mengurus sendiri hentian R&R menjadi sebuah landskap menarik dan bersih sekali gus memberi keselesaan kepada pengguna.

Dalam pada itu beliau berkata, Koperasi R&R Temerloh Berhad menjadi katalis kepada kemajuan landskap di hentian R&R de-

ngan menyediakan makanan dan perkhidmatan yang berpatutan.

Katanya, Angkasa menyokong usaha dan aktiviti koperasi berkenaan berkaitan pengurusan kewangan dan tadbir urus yang cekap sehingga memberi manfaat kepada ahli.

Sehubungan itu Abdul Fattah menyarankan pengusaha R&R di sepanjang LPT1 dan LPT2 dari Simpang Genting Sempah ke Terengganu menjadi ahli koperasi perintis agar dapat diikuti oleh R&R lain.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA